

# MAJALAH TERBITAN AL-ARQAM DALAM PENERBITAN MAJALAH AGAMA DI MALAYSIA

ROOSFA HASHIM

---

## ABSTRACT

This paper studies the magazines and newspapers published by al-Arqam and other publishers related to their movement between 1977 and 1997. The al-Arqam publication unit was established in 1977 and became very active during the 80s before it stopped its publishing activities in 1977 after the movement was banned by the Malaysian government. However, al-Arqam members and other publishers continued publishing to promote al-Arqam's teachings. This article concludes that al-Arqam was the most active and prolific among the Islamic movements during the 70s and 80s based on the number and variety of publications.

*Keywords: Malaysia, publishing, magazine publishing, popular publishing, religious publishing, Islam, al-Arqam*

## Pengenalan—Perkembangan Penerbitan Majalah Agama di Malaysia

Perkembangan majalah berunsurkan agama pada awal abad ke-20 menyumbang kepada perkembangan tradisi penulisan dalam bidang agama. Kemajuan bidang pendidikan pula telah melahirkan ramai cerdik pandai dan sarjana yang berjaya mengupas pelbagai isu dalam banyak cabang ilmu dalam pengajian Islam secara ilmiah. Sebelum kemunculan majalah agama, perkembangan Islam di tanah air dan Nusantara ditandai kemunculan ulama terkenal dengan kitab masing-masing.

Majalah agama amat signifikan dalam perkembangan penerbitan majalah di negara ini khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu dan Islam. Bahkan, majalah dalam tulisan Jawi dan berbahasa Melayu dijadikan media yang awal oleh mubaligh Kristian untuk menyampaikan seruan agama mereka. Majalah yang pertama terbit ialah majalah Kristian berjudul *Bustanul Ariffin* (1821). Walau bagaimanapun majalah ini tidak berjaya menarik minat orang Melayu kepada agama Kristian maka diterbitkan majalah yang disasarkan kepada kaum Cina peranakan

iaitu *Medan Pengetahuan* (Sept. 1926) selain beberapa akhbar yang diterbitkan dengan maksud yang sama.

Perkembangan majalah agama Islam ini dibincangkan dengan meluas oleh Hamedi (2003). Beliau mentakrifkan majalah Islam sebagai “ . . . majalah yang menggunakan Islam sebagai landasan penerbitannya atau yang sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kandungannya berkait dengan Islam.”

Pada masa sebelum perang, memang agak sukar membezakan antara majalah agama dengan majalah umum, sama sulit untuk membezakan suatu terbitan sama ada majalah dengan akhbar. Faktor pertama, kesemua majalah diterbitkan dalam ejaan Jawi. Faktor kedua, memang menjadi hasrat kebanyakan penerbit majalah menyelitkan unsur-unsur agama dalam majalah masing-masing termasuk majalah yang berkonsepkan hiburan seperti *Hiboran Hari Raya* (1935) dan *Taja Penghiboran* (Sept. 1935). Kebanyakan majalah ketika itu berpegang pada matlamat “sebagai alat untuk memberikan didikan dan panduan kepada khalayak pembaca Melayu.” Misalnya majalah *Al-Hikmah* (1934), walaupun condong kepada Islam, menerbitkan juga makalah umum.

Jumlah majalah yang memang secara hakiki berkonsepkan agama sebelum perang berjumlah 24 judul iaitu 20 peratus daripada keseluruhan majalah yang diterbitkan ketika itu. Jumlah majalah yang memperlihatkan ciri agama berjumlah 27 judul, iaitu 36.5 peratus daripada jumlah majalah pada abad ke-20. Kandungan majalah agama ketika itu tertumpu kepada pengajaran daripada al-Quran dan hadis, kisah para nabi dan rasul, ilmu fiqah, tauhid dan tasawuf, bimbingan fardu ain, kesedaran meningkatkan keimanan dan akhlak serta berita kegiatan masyarakat Islam.

Pelopor penerbitan majalah Islam ialah mereka yang berlatar belakang Timur Tengah iaitu Sheikh Mohd Tahir Jalaluddin al-Azhari dari Minangkabau yang menjadi pengarang *al-Imam* yang pertama, Sayyid Sheikh Ahmad al-Hadi iaitu Arab Melayu dari Melaka, Haji Abbas Mohd Taha dari Singapura yang menjadi pengarang kedua bagi majalah tersebut, dan Syeikh Mohd Salim al-Kalali, seorang saudagar dari Aceh yang juga menjadi pengarang *al-Imam*. Majalah ini terbit antara 1906 hingga 1908 dan dicetak purata dalam 5 ribu naskhah.

Pada 1914 terbit pula *Majallah Al-Islam* oleh K. Anang Hamid, Syed Mohammad Al-Juneed dan Abdul Kadir Yunus bagi memenuhi kekosongan yang ditinggalkan oleh *al-Imam* tetapi gagal kerana bentuknya lebih berupa terjemahan daripada majalah *Islamic Review* yang diterbitkan di London. Selain jumlah cetakannya kecil, kira-kira 500 naskhah, ternyata kandungannya tidak memenuhi cita rasa masyarakat tempatan. Pada 1918 terbit pula majalah *Pengasoh*.

Majalah lain yang terbit sebelum perang ialah *Ar-Raja* (1925-26), *Dewan Pergaulan* (1940-41) terbitan Madrasah Al-Masyhor, Pulau Pinang, *Jasa* (1927-31) terbitan Madrasah Al-Atas, Johor Bahru, *Temasek* (1930) oleh Madrasah al-Idrisiah, Kuala Kangsar, *Bintang Malaya* (1939-41) oleh Kuliah al-Firdaus, Singapura dan *Seruan Ihya* (1941) di Madrasah El-Ehya As-Syarif, Gunung Semanggol.

Majalah *Pengasoh* setebal lapan halaman dan dijual dengan harga 15 sen dengan catatan editorialnya yang berbunyi “ . . . jadi satu persembahan dan peringatan bagi hari kemudian . . . ” Majalah ini kekal diterbitkan hingga ke hari ini. *Pengasoh* adalah terbitan Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan.

Pada Disember 1949 terbit *Warta Jabatan Agama Johor*, 31 tahun selepas terbitnya *Pengasoh*. Jabatan agama negeri-negeri lain menerbitkan majalah masing-masing mulai 1960-an, iaitu *Suara Majlis Agama Islam Negeri Kedah* (1965), *Al-Huda* (Seremban, Disember 1968), *Sinar Usia* (Kota Kinabalu, Mac 1970), *Suara Jabatan Agama* (Kuala Terengganu 1960), *Saujana* (Kuala Terengganu 1974), *Menara* (Wilayah Persekutuan 1975), *Al-Hidayah* (Selangor 1975), *Al-Ehsan* (Selangor 1976) dan *Suara Jabatan Agama Pahang* (1976).

Selain jabatan agama, majalah agama juga diterbitkan oleh persatuan kebudayaan dan kebajikan (Roff 1972). Antaranya *Harapan* yang diterbitkan oleh Persekutuan Kecharapan Belia, Johor Bahru, *Al-Johoriah* terbitan Pakatan Islam Johor atau Al-Jamaah al-Islamiah al-Johoriah, dan *Wihdatul Madaris* terbitan Jamaah Guru-guru Semenanjung yang berpusat di Pulau Pinang.

Majalah agama Islam juga diterbitkan oleh individu dan syarikat swasta bagi tujuan komersial, iaitu *Majallah Al-Islam* (30 Januari 1914) terbitan Abdul Kadir Yunus bagi pihak Al-Ikhwan Press, Singapura; *Semangat Islam* (1 November 1929) terbitan Abdul Latief Hamidi, Pulau Pinang; *Puncha Pertikaian Ulama Islam* terbitan Syarikat Ittihadiah; *Mujallah Al-Kamaliah* terbitan Matbaah Al-Kamaliah, Kota Bharu dan *Pedoman Islam*, di Pulau Pinang. Di Singapura, empat majalah diterbitkan oleh pihak swasta, iaitu *Kehidupan Dunia Akhirat* (17 September 1935), *Dunia Akhirat* (Jun 1936), *Medan Laki-Laki* (27 September 1935), dan *Medan Al-Islam* (14 Ogos 1936).

Dengan kemunculan gerakan Islam pada tahun 1970-an maka kita dapat pula membaca *Risalah* terbitan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mulai Jun 1985. Kumpulan Utusan Melayu juga menerbitkan beberapa majalah berunsurkan keagamaan seperti *Utusan Qiblat* (September 1970), *al-Islam* (Januari 1974) dan *ad-Dakwah* (Mac 1977). Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri bermula dengan menerbitkan *Dakwah* diikuti dengan *Sinaran Islam* (Jun 1982), *Ruhanniyat* (Mac 1989), *Cahaya* (Ogos 1989) dan *Pendidik* (Ogos 1989). Tidak diketahui penerimaan masyarakat dan pembaca terhadap majalah ini kerana diedarkan secara percuma.

Pihak swasta pula menerbitkan *al-Muslimah* (Nov 1984), *Fatimah* (Mei 1986), *Fardhu Ain* (Jun 1987), *al-Ummah* (Nov. 1987), *Dunia Islam* (September 1988), *Imam* (Oktober 1988), *an-Nur* (Mei 1980), *Generasi* (Ogos 1991), *Tamadun* (Julai 1994), dan *Dewan Islam* (Januari 1996). Perkembangan majalah berasaskan Islam ini telah dibincangkan sebelum ini misalnya oleh Roosfa (2005).

Demikianlah, kita melihat banyaknya majalah agama Islam terbit sejak awal abad yang lalu. Ternyata, budaya menerbitkan majalah dan terbitan bersiri berlandaskan agama Islam telah tumbuh dan kukuh dalam kalangan umat Islam negara ini. Pada dekad 70-an dan 80-an, majalah agama di negara ini didominasi oleh terbitan al-Arqam. Hasrat menyampaikan dakwah melalui penerbitan ini dinyatakan dengan jelas dalam temubual dengan penulis (Roosfa 1987). Apakah majalah yang diterbitkan oleh al-Arqam atau yang ada kaitannya dengan gerakan dakwah ini? Berapa lama majalah itu bertahan, berapa jumlah edarannya, apakah faktor di belakang kejayaan al-Arqam menerbitkan sekian banyak majalah? Siapa di belakang penerbitan ini? Demikian seberkas persoalan yang bakal dijawab oleh makalah ini.

## BAHAN DAN KAEDAH KAJIAN

Makalah ini membincangkan penerbitan pelbagai majalah keluaran rasmi al-Arqam dan pihak lain yang ada hubungannya dengan gerakan dakwah ini. Pihak lain ini bermaksud penerbit dan syarikat kepunyaan ahli-ahli al-Arqam atau individu tertentu. Selanjutnya, makalah ini juga akan cuba mendokumentasikan sumbangan al-Arqam dalam penerbitan majalah agama di negara ini.

Kajian ini menumpukan terbitan majalah terbitan al-Arqam sahaja, maka tidak termasuk buku dan bahan multimedia yang juga dikembangkan oleh pergerakan itu. Majalah yang dikaji pula berdasarkan naskhah-naskhah terhad yang masih ada dalam simpanan beberapa bekas anggota al-Arqam. Majalah-majalah ini termasuklah *al-Munir* (1983–85), *Fardhu 'Ain* (1982–83), *al-Ain* (1984-85) serta majalah terbitan al-Arqam yang lain secara terpisah-pisah. Naskhah-naskhah ini menjadi sukar diperoleh terutamanya selepas al-Arqam dan penerbitannya sekali gus diharamkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Bahkan, judul dan maklumat bibliografi memang tidak terdapat dalam perpustakaan-perpustakaan utama di negara ini sungguhpun majalah-majalah terbitan al-Arqam adalah suatu fenomena yang signifikan dalam masyarakat di negara ini pada dekad 70-an dan 80-an. Penyelidikan ini dilakukan dengan membuat analisis umum terhadap kandungan majalah-majalah terbitan al-Arqam.

## MAJALAH TERBITAN AL-ARQAM: SUATU FENOMENA DEKAD 70—80-AN

Oleh sebab Al-Arqam muncul pada ketika arus kebangkitan dakwah Islamiah sedang memuncak di negara ini, maka gerakan ini telah menggunakan sepenuh peluang yang ada dalam penerbitan bagi menyampaikan dakwah Islamiah mengikut kefahaman pemimpinnya pada waktu itu. Dengan dasar Al-Arqam yang membuka seluas-luas pintunya kepada sesiapa sahaja yang ingin kembali kepada Islam, maka antara yang menganggotainya ialah sekumpulan petugas dari pelbagai institusi persuratkhabaran meliputi wartawan, sasterawan, pelukis kartun, pelukis grafik, dan jurufoto yang berpengalaman. Antara mereka memang cukup terkenal termasuklah Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad, Ali Haji Ahmad (Nora), Rosdin, Tajul Ariffin Nordin (mantan pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka), Abu Hassan Morad, Abu Hassan Yusof dan Dinie Juri (pelukis grafik dari kumpulan Utusan) dan beberapa lagi. Shahnnon Ahmad sering diletakkan sebagai pengarang kehormat dalam barisan sidang pengarang al-Arqam dalam setiap halaman hak cipta terbitan al-Arqam manakala Tajul Ariffin Nordin selaku ketua pengarang kumpulan dan Nora sebagai penolong ketua pengarang kumpulan. Mereka ini telah menjadi mangkin dalam merencanakan pertumbuhan penerbitan majalah, buku, dan terbitan multimedia dalam Al-Arqam.

Menurut Syukri (1992), unit penerbitan al-Arqam yang diwujudkan pada tahun 1977 di bawah naungan Jabatan Penerangan Darul Arqam pada waktu itu telah menerbitkan 70 judul buku dan mengendalikan tujuh terbitan berkala bulanan dan mingguan. Pada 1987 setiap terbitan *al-Arqam* (Jawi), *al-Arqam* (Rumi) dan *al-Arqam* (English) diedarkan sebanyak 70 ribu naskhah. Setiap bulan. Pada masa yang sama, *Mingguan Islam* diedarkan sebanyak 40 ribu naskhah setiap minggu. Tiga terbitan yang lain, majalah wanita *al-Mukminah* diedarkan 40 ribu naskhah setiap bulan, *al-*

*Munir* majalah bacaan umum sebanyak 20 ribu naskhah dan majalah kanak-kanak *al-Ain* beredar sebanyak 20 ribu naskhah.

Pada 1988, rekod edaran majalah terbitan al-Arqam melambung lagi. Ketiga-tiga edisi *al-Arqam* (edisi Jawi, Rumi dan English) mencecah 72 ribu naskhah, *al-Mukminah* 86 ribu naskhah, *al-Munir* 45 ribu naskhah dan *al-Ain* 73 ribu naskhah. Dianggarkan kesemua majalah ini dibaca oleh seramai sejuta pembaca setiap bulan. Pada 16 November 1988 permit penerbitan *al-Arqam*, *al-Mukminah*, *al-Munir* dan *al-Ain* ditarik oleh Kementerian Dalam Negeri manakala permit *Mingguan Islam* ditarik pada 8 Januari 1989. Walau bagaimanapun, Unit penerbitan Darul Arqam berjaya menggunakan permit penerbitan yang lain bagi lapan majalah berjudul *al-Qiadah*, *an-Nasihah*, *Imam*, *Fardhu Ain*, *Komik Dakwah*, *Anak Soleh* dan *an-Nur*.

**Jadual 1**  
Majalah terbitan al-Arqam dan pengikutnya

Judul	Tahun Terbit	Penerbit	Tumpuan Kandungan
<i>Fardhu Ain</i>	1980?	Darul Arqam	ceramah fardu ain
<i>al-Arqam</i> (Jawi)	1982	Penerangan al-Arqam	akhbar berita
<i>al-Arqam</i> (Rumi)	1983	Penerangan al-Arqam	akhbar berita
<i>al-Arqam</i> (BI)	?	Penerangan al-Arqam	akhbar berita
<i>al-Ain</i>	1984	Penerangan al-Arqam	pelajar
<i>al Munir</i>	1983	Yayasan al-Arqam	umum
<i>Al-Mukminah</i>	1983	Penerangan al-Arqam	wanita
<i>al-Qalam</i>	1984	Yayasan al-Arqam	pelajar SPM
<i>an Nasihah</i>	1988	Penerbitan al-Munir	wanita & kewanitaan
<i>al-Qiadah</i>	1989	Penerbitan al-Munir	umum
<i>Imam</i>	1989	MATA Publication	umum
<i>an Nur</i>	1990	Penerbitan Ilmiah	kanak-kanak
<i>Anak Soleh</i>	1990	Penerbitan al-Munir	kanak-kanak
<i>Amal</i>	?	Penerbitan al-Munir	?
<i>Tatih</i>	1995	Karya One	majalah kanak-kanak
<i>OK</i>	1995	Karya One	humor
<i>Dunia Baru</i>	1995	Karya One	umum
<i>Ayu</i>	1996	Karya One	wanita
<i>Asuh</i>	1997	Galeri Ilmu	kanak-kanak
<i>Anis</i>	1997	Galeri Ilmu	wanita

Berdasarkan Jadual 1, terdapat beberapa perkara menarik yang dapat diperhatikan sepanjang penerbitan majalah al-Arqam meliputi jumlahnya, tumpuan kandungan, sasaran pembaca dan tahap-tahap dalam fasa penerbitan. Berdasarkan jadual tersebut, sekurang-kurangnya terdapat 18 terbitan majalah oleh al-Arqam dan pengikutnya. Hal ini dapat diperhatikan pada nama dan alamat penerbitnya yang dipaparkan pada halaman editorial.

Terdapat tiga fasa dalam penerbitan majalah-majalah al-Arqam ini, iaitu sebelum al-Arqam diharamkan, sesudah diharamkan dan sesudah tangkapan

beberapa bekas anggota al-Arqam. Sebelum al-Arqam diharamkan, penerbitannya adalah jelas oleh pentadbiran al-Arqam atau pengikutnya. Selepas al-Arqam diharamkan, beberapa pengikut setia telah bergabung menubuhkan Karya One Sdn. Bhd. dan menerbitkan *Tatih*, *Dunia Baru*, *Ayu* dan *OK*. Majalah-majalah ini bukan sahaja dikenali kerana digerakkan oleh bekas anggota al-Arqam, tetapi juga amat mirip dari segi pendekatan, kandungan dan reka bentuknya terutama sekali bagi majalah *Tatih* dan *Ayu* yang dibayangi oleh *al-Ain*, *an-Nasihah* dan *al-Qiadah*. Apabila timbul isu kegiatan semula bekas anggota al-Arqam pada tahun 1996, beberapa kakitangan editorial Karya One Sdn. Bhd. ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kemudian penerbitan *Ayu* dan *Tatih* diteruskan dengan memakai nama baru *Asuh* dan *Anis* di bawah penerbit baharu, iaitu Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Perkara ini telah dibincangkan oleh Hamed (2003: 249).

Daripada 18 judul majalah yang disenaraikan itu, enam adalah ternyata untuk kanak-kanak dan pelajar manakala empat untuk sasaran pembaca wanita. Maka dapatlah disimpulkan bahawa al-Arqam mensasarkan wanita dan kanak-kanak dalam usahanya mengembangkan pengaruhnya. Hal ini memang jelas semasa al-Arqam berada pada kemuncaknya sekitar pertengahan dan penghujung dekad 80-an. Bahkan sememangnya sebahagian besar anggota al-Arqam adalah wanita dan kanak-kanak.

Ketika itu kita dapat melihat 'orang al-Arqam' di mana-mana sahaja kerana mereka berpakaian dengan gaya yang khusus dan eksklusif. Lelaki al-Arqam berjanggut, berjubah dan berserban, lazimnya berwarna hijau atau hitam dengan serban yang mempunyai potongan menyamai sebagaimana yang dipakai oleh Ashaari Muhammad yang merintis penubuhan Darul Arqam. Wanita al-Arqam pula lazimnya berjubah dan berpurdah hitam. Mereka berkampung sesama sendiri dan perkampungan terbesar adalah di Sungai Pencala dekat Damansara dan Kampung Sempadan, tidak jauh dari Bentong, Pahang.

Sewaktu al-Arqam menjadi fenomena dalam masyarakat, bukan sahaja 'orang al-Arqam' ditemui di mana-mana bahkan kita dapat melihat majalah dan buku-buku al-Arqam di hentian bas, di kedai runcit, kedai buku, dijual di laman masjid dan surau bahkan dijaja secara jualan langsung oleh kanak-kanak al-Arqam di merata jalan. Majalah terbitan kumpulan al-Arqam dibaca oleh kebanyakan pembaca Melayu kerana kebanyakan majalah berunsur agama yang lain tidak dapat menandingi terbitan majalah al-Arqam yang ternyata jauh lebih berketerampilan.

### ***Fardhu Ain, 1980***

Terbitan ini lebih berupa risalah yang diedarkan dan dijual secara tetap setiap minggu dalam majlis pertemuan pengajian fardhu ain setiap malam khamis di Darul Arqam. Sebagaimana judulnya, risalah ini mengandungi pesanan pemimpin pergerakan ini atau orang kanan beliau. Setiap keluaran cuma memuatkan satu ucapan atau tulisan Ashaari Muhammad atau timbalannya yang berupa kuliah tafsir al-Quran, kuliah ilmu fiqah, kuliah tasawuf atau ilmu tauhid. Risalah ini pada awalnya ditaip menggunakan mesin taip, kemudian kelihatan seperti dicetak menggunakan pemproses perkataan dan dicetak dalam satu warna, lazimnya hijau. Tidak tercatat nombor permit KDN selain nombor jilid, dan tarik penerbitan dalam takwim Hijrah dan Masihi.

### ***al-Arqam (Jawi), 1982***

Terbitan ini berupa akhbar paling awal yang diterbitkan oleh Penerangan al-Arqam. Keluaran bulan Mei 1986 akhbar ini bersaiz tabloid setebal 20 halaman dengan kulit depan dan belakang menggunakan kertas art (*art paper* berkilat) dicetak empat warna manakala bahagian isi menggunakan kertas newsprint menggunakan cetakan hitam putih. Halaman depan didahului berita utama lazimnya isu semasa. Halaman kedua mengandungi lidah pengarang diikuti halaman ketika di bawah tajuk 'fokus.' Halaman keempat melalui ruangan Suri Teladan dibincangkan kisah-kisah mereka yang berdosa dan bertaubat. Di bawah tajuk Rencana khas pada halaman kelima dimuatkan rencana 'Keistimewaan Bulan Syaaban.' Antara rencana lain adalah tentang kedudukan mati syahid dalam Islam, kebaikan meminta izin sebelum memasuki rumah, bagaimana mencari keuntungan di dunia dan di akhirat, profil tokoh Islam, keindahan syurga, Nabi Musa bertemu Firaun, cerpen oleh Nora, tafsir al-Quran, mengenali bentuk pakaian orang bertakwa, kesihatan rohani, halaman keluarga, iman dan persoalannya, dan mengenali sifat orang soleh. Akhbar ini juga memuatkan iklan barangan keluar al-Arqam termasuk makanan, buku dan video.

### ***al-Arqam (Rumi), 1983***

Terbitan ini adalah akhbar al-Arqam edisi Rumi. Kandungannya menyerupai al-Arqam edisi Jawi dan diterbitkan oleh Penerangan al-Arqam. Akhbar ini dihentikan apabila al-Arqam diharamkan pada tahun 1994.

### ***al-Ain, 1984***

Majalah terbitan Bahagian Penerbitan Akademik Yayasan al-Arqam ini adalah majalah untuk pelajar sekolah rendah. Antara kandungan dalam keluaran sulungnya ialah doa harian, hadis pilihan, kisah keluarga Nurul Ain, sketsa berakhlak mulia, karangan bahasa Malaysia dan Inggeris, puisi, pantun, ilmu sains, matematik, geografi, sejarah, sehari di Yayasan al-Arqam, seruan berbudi pekerti mulia, kisah nabi-nabi, berguru dengan helang, kamus Islam, sejarah Rasulullah, pedoman sembahyang, Ustaz bercerita (kisah dan teladan), kuiz pengetahuan (silang kata, serupa tapi tak sama dll.), halaman berwarna, menyusun huruf, adab dalam Islam, surat pembaca dan lain-lain lagi. Idrus Jamhari dalam catatan lidah pengarangnya berkata:

Sekarang adik sedang menatap sebuah majalah yang akan menjadi kesayangan adik-adik. Majalah ini akan memberi panduan kepada adik-adik bagaimana hendak mengamalkan Islam yang menjadi agama kita semua. Di samping itu majalah ini juga akan memberi panduan kepada adik-adik untuk belajar di dalam mata pelajaran adik-adik di sekolah. . . . Majalah al-Ain yang sedang adik-adik tatap ini akan memandu adik-adik ke arah beribadah kepada Allah. Di dalam mata pelajaran, majalah al-Ain pula menyediakan bahan-bahan untuk adik-adik hafal dan pelajari baik-baik. (Lidah Pengarang *al-Ain* Jilid 1, Bil. 1, Jun 1984).

### ***al Munir, 1983***

Majalah terbitan Yayasan al-Arqam ini adalah suatu majalah umum dan berbentuk dakwah yang disampaikan melalui ilmu pengetahuan. Lidah pengarangnya dalam

keluaran pertama secara tersirat menyatakan kewajipan umat Islam menyampaikan dakwah dan dapatlah difahami al-Arqam menyampaikan dakwahnya melalui pena dan penerbitan. Pada halaman rencana pengarangnya, Jaafar Saleh juga menyebutkan:

*AL MUNIR* majalah bulanan yang menjadi penyuluh kepada jalan kebenaran serta mengajak umat Islam membangunkan roh Islamiyah sebagai jalan untuk mencetuskan jiwa tauhid kepada Allah s.w.t. Yang demikian itu akan dapat memberikan kekuatan jiwa untuk melandaskan kehidupan kepada al-Quran dan sunnah. *AL MUNIR* diterbitkan oleh Bahagian Penerangan Yayasan Al-Arqam, Sungai Pencala, Jalan Damansara, Kuala Lumpur.

Antara kandungan dalam keluaran pertama majalah ini ialah surat terbuka kepada Ashaari Muhammad, fokus al-Munir, dari halaman al-Munir (kisah pengalaman Ashaari Muhammad), Betapa pedihnya sakaratulmaut, Rasulullah tunjang kekuatan iman, Pembebas dari kesesatan (bersiri), mutiara kata Syeikhul Arqam, Kenapa wanita keluar rumah?, Tuntutan kalimah syahadat dan Tokoh Islam: Al-Tabari. Majalah ini juga memuatkan iklan barangan keluaran kumpulan al-Arqam termasuk buku, video dan majalah.

#### ***al-Qalam, 1984***

Majalah terbitan Yayasan al-Arqam ini ditujukan kepada pelajar dan calon yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ketua pengarang majalah ini ialah Ustaz Idrus Jamhari. Dalam keluaran sulung, lidah pengarang majalah ini menyebutkan:

Dalam apa bidang jua pun penerbitan itu, sama ada bidang akademik, pengetahuan umum, berita, hal ehwal semasa, kekeluargaan dan wanita, perniagaan, perubatan, dan lain-lain mestilah tidak lari dari syariat Allah. Kita tahu bahawa Islam itu cara hidup dan lengkap melengkapi semua bidang. Sebab itu apa bidang pun yang kita perkatakan mestilah dipandang dari perspektif Islam. Sekarang ini kesemua bidang yang disebutkan di atas kebanyakannya telah diolah dari bahan-bahan yang didapati dari Barat yang banyak sangat bertentangan dengan Islam. Majalah agama diterbitkan sebagai sebuah penerbitan yang berasingan atau sekurang-kurangnya ruangan agama dimuatkan di dalam satu ruangan atau kolum yang khas. Dan di dalam penerbitan yang sama dimuatkan ruangan-ruangan yang kurang sopan. Seorang Muslim yang betul-betul beriman dengan Allah SWT dan yakin dengan hari akhirat tidak membahagikan hidupnya kepada dua bahagian: bahagian beribadah kepada Allah dan bahagian yang tidak ada hubungan dengan ibadah. Sebaliknya tindak-tanduk seseorang yang beriman itu adalah untuk mencari keredhaan Allah. Inilah cita-cita *al-Qalam*, semoga Allah memperkenankan.

Dalam keluaran pertama majalah *al-Qalam* dimuatkan ruangan perdagangan dengan daftar istilah perdagangan bersama Abang Muiz, pengenalan sains, ruangan tetap Melangkah ke Alam komputer, pelik tapi benar, rancangan sains moden: Pengenalan kepada mikrob, kesusasteraan Melayu: Ringkasan *Badai Semalam*, ruangan akhlak:



Langkah untuk mendapatkan akhlak yang terpuji, sajak, bahasa Malaysia: panduan menjawab soalan kertas 1, Matematik moden: himpunan, Pengetahuan agama Islam: tuntutan dalam mengerjakan haji, geografi fizikal: Bumi, Biologi kemasyarakatan: Penyakit yang disebabkan oleh kekurangan makanan, ruangan tetap Teladan: Wasiat Lukmanul Hakim, Sejarah: Peranan pembesar empat, Fizik moden: Elektrik dan tenaga, Kimia moden: Siri keaktifan logam-logam, Bahasa Inggeris: Relaying information, Prinsip akaun: Akaun penamat, Geografi kawasan: Pengairan di India, Geografi fizikal: Jenis batuan di kerak bumi, Fekah: Orang yang meninggalkan sembahyang boleh jatuh murtad, dan ruangan kerjaya.

### **An-Nasihah, 1988**

Majalah wanita & kewanitaan ini terbitan Penerbitan al-Munir, diterbitkan setebal 36 halaman dengan saiz 10½ x 11 ½ inci. Kulit depan dan belakang dicetak menggunakan kertas *art* (*art paper*) bercetak empat warna manakala isi menggunakan kertas *newsprint* dalam hitam putih. Majalah ini dijual dengan harga RM 1.50. Editor majalah ini pada tahun 1989 ialah Abdul Aziz Ismail. Antara kandungan dalam keluaran Januari 1989 ialah lidah pengarang, Panduan hidup untukmu, warkah untukmu, berita dari seberang, Ruangan tetap Syurga itu manis dengan rencana Hadiah untuk ibu, Apa kata ustaz, Suara dari kampus, Kesihatan, Berita muslimah, Detik-detik yang lalu, ruangan tetap Melentur buluh dengan rencana Bila anak menangis . . . , Putus cinta kerana cinta, Perutusan tahun baru 1989, Ruangan Mencungkil yang tersirat dengan rencana Air mata mujahadah penuju takwa, Sedutan dari kitab dengan rencana Keseimbangan akal dan iman pada manusia, ruangan tetap Bangunlah serikandi dengan rencana Biar diri miskin, asalkan Islam kaya, cerpen, ruangan tetap Kamus orang soleh dengan rencana Orang yang makan bangkai, ruangan tetap Zikir dan doa, munajat yang diangkat Allah, ruangan khidmat nasihat (soal jawab agama dan kehidupan), Menyingkap di sebalik tabir, keluarga mukminah, Ibu mithali, komik sindiran 'Manis-manis pedas' dan puisi.

### **al-Qiadah, 1989**

*Al-Qiadah* diterbitkan oleh Penerbitan al-Munir dengan konsep untuk bacaan umum dan dijual dengan harga RM 3.00. Ketua Pengarang majalah ini ialah Ahmad Baei Jaafar dan dibantu oleh Wan Mohd Azmin Wan Dolah selaku pengarang. Majalah ini bersaiz 8 ¼ x 10 ¼ inci diterbitkan dalam 80 halaman dengan kulit bercetak empat warna menggunakan kertas *art* (*art paper*) manakala bahagian isi menggunakan kertas *newsprint* dan bercampur kertas *art* bagi halaman berwarna. Konsep majalah ini adalah menggabungkan kandungan majalah *Era* dan *Dewan Masyarakat* pada ketika itu. Antara kandungan dalam keluaran bulan Februari 1991 ialah Helaian Berita, Lipatan Rasa, Potret Masyarakat, Mujahidah, Akhir-Akhir Ini, Pahit-Pahit Ubat, Tradisi Solehin, Mata Hati, Visi Islam, Jalan-Jalan, Jejak Sejarah, Yang Tersirat, Rautan Seni, Alam Jin, Uslub, Umum, Bahasa Hati, Kritik Sosial, Seni dan Budaya, Mujadid & Mujahid, Cakerawala, Bicara Sufi, Mencari Tenang, Bumi Anbia dan Rasul dari Dekat.

### **Imam, 1989**

Al-Arqam nampaknya lebih berhati-hati apabila menerbitkan majalah *Imam* selepas majalah-majalahnya diharamkan pada tahun 1988. Urusan penerbitan majalah *Imam* diserahkan kepada wartawan veteran Mokhtar Petah sebagai Ketua Editor dan jawatan Editor diserahkan kepada anak Mokhtar, Noor Iskandar dan diterbitkan di bawah MATA Publication. Urusan atur huruf dilakukan oleh syarikat milik al-Arqam, Agensi al-Arqam. Konsep majalah ini dilarikan daripada konsep sebelumnya, namun demikian oleh sebab masih memaparkan kegiatan dan gambar al-Arqam dan Ashaari Muhammad, imej al-Arqam masih melekat kuat pada majalah *Imam* ini.

Antara kandungan majalah *Imam* keluaran Disember 1989 adalah Bina Insan, Reaksi Pembaca, Dunia Semasa, Nasional Semasa, Bintang Timur, Dialog, Pelik Tapi Benar, Lensa Hati, Tapak Sejarah, Mimbar Imam, Jalan Keluar, Berita Akhirat, Dewasa Ini, Pandang Tembus, Kaunseling Perjuangan, Budaya Islam, Beduk Diketuk, Wawasan Sufi dan Sana Sini. Ruangan budaya Islam membincangkan isu mogok seni oleh A. Samad Said. Ruangan Bintang Timur pula menceritakan sumbangan Tok Kenali yang dianggap sebagai pelopor kebangkitan pondok dan penggerak media Islam. Ruangan dialog memaparkan temu bual dengan Ashaari Muhammad, pemimpin tertinggi al-Arqam.

### **An-Nur, 1990**

*An Nur*, majalah Pelajar Islam ini diterbitkan oleh Penerbitan Ilmiah untuk bacaan kanak-kanak. Majalah setebal 36 halaman ini bersaiz 7 ½ x 10 ½ inci dengan helaian kulit bercetak empat warna menggunakan kertas *art* (*art paper*) manakala halaman isi menggunakan kertas newsprint bercetak hitam putih selain terdapat juga halaman berwarna bagi komik. Ketua pengarang pertamanya ialah Abu Huzaifah Razali dan dibantu oleh mereka yang memang terkenal dalam penerbitan majalah seperti Abu Hassan Morad seorang penulis dan novelis dan kini menjadi penerbit, Ahmad Dinie Juri yang mengetuai bahagian reka bentuk sememangnya seorang pereka bentuk majalah yang terkenal dan Rosdin Saidin seorang artis *layout* yang terkenal juga. Dalam lidah pengarang keluaran pertamanya Abu Huzaifah menulis:

Sekarang kawan-kawan sedang menatap sebuah majalah Islam kesayang kawan-kawan. Alhamdulillah, Allah telah mengizinkan kita untuk menerbitkan majalah ini. Ia diterbitkan untuk kita sama-sama jadikan panduan. Di dalamnya banyak ilmu Islam yang perlu kita tahu. Kita perlu belajar adab dan doa. Kita perlu belajar ilmu tauhid, fikah dan akhlak. Malah bukan itu sahaja. Majalah kesayangan ini juga mempersembahkan cerita-cerita yang seronok dan mengasyikkan tetapi memberi kesedaran. Ia memberi kesedaran agar kita menjadi anak soleh yang bertakwa. Tentu ayah dan ibu kawan-kawan juga terhibur membaca majalah ini. Dan kawan-kawan juga boleh berkongsi dengan jiran atau kawan-kawan di sekolah.

Antara kandungan dalam keluaran pertama ialah komik arnab dan kura-kura, komik bersiri berjudul Pengembaraan Toha oleh Dinie Juri, ruangan Tahukan adik-adik? Tentang jumlah rakaat dalam sembahyang, ruangan bahasa Arab, Peraduan mengisi dialog, Ustaz Nur bercerita, Alam dan Manusia, komik bersiri Komik Di

sebalik pertolongan, An Nur oleh Rosdin, ruangan Kalau bodoh berlagak pandai (cerita bergambar dan berwarna), ruangan bahasa Inggeris *Tell me a story* dengan kisah bergambar dalam warna warni, Kisah nabi-nabi, Sejarah Rasulullah, Rumah di belakang masjid, pelajaran bahasa Malaysia untuk KBSR, ruangan kuiz, teka teki, dan ruangan fardhu ain, dan sehari dalam hidupku.

### **Anak Soleh, 1990**

Majalah *Anak Soleh* adalah terbitan Penerbitan al-Munir dengan sasaran pembaca untuk kanak-kanak. Pengarangnya ialah Ahmad Baei Jaafar dan penolong pengarangnya Zuraimi Ismail. Majalah setebal 36 halaman ini bersaiz 7 ½ x 10 ½ inci. Helai kulit hadapan dan belakang menggunakan kertas *art* (*art paper*) bercetak empat warna manakala halaman isi majalah ini dicetak menggunakan kertas *newsprint* dalam hitam putih. Antara kandungan dalam keluaran bulan Mac 1991 ialah Komik Siti, Hadis Pilihan, Anak Soleh Oleh Usyaz Nur, Komik 'Oh Perdana Menteri', Liku-Liku Hidup, Siri Bimbingan Kbsr, Menguji Iq, Peraduan Mencipta Dialog, Puisi, Ruangan Cintai Allah, Ruangan Ustazah Solehah Menjawab, Komik Bersiri Gadis di Pondok Kecil, Sudut Menajam Akal, Peraduan Mewarna, Teka Silangkata, Ruangan Tetap Sifat Terpuji, Ruangan Tetap Kenangi Rasulullah, Komik Sedekah Yang Ikhlas, Berita Kanak-Kanak dan Pelajar, ruangan Mari Sembahyang, ruangan Dengarlah Cucu, ruangan Surat untuk Soleh, ruangan bahasa Inggeris *Tell Me a sStory* dan ruangan tetap Adab Membaca al-Quran.

## **IDENTITI MAJALAH TERBITAN AL-ARQAM**

Majalah terbitan al-Arqam mendominasi pasaran majalah pada pertengahan dan penghujung dekad 80-an. Jumlahnya yang banyak menggambarkan keupayaan dan keuntungan yang dapat dijangka pada penerbitnya. Majalah-majalah terbitan al-Arqam popular dalam kalangan pembaca kerana setiap majalah mempunyai sasaran pembaca yang khusus, kandungannya yang baik, persembahannya termasuk reka bentuknya yang menarik, harganya yang berpatutan, mudah diperolehi kerana kaedah pemasarannya yang cekap termasuk secara jualan langsung dan pengeluarannya yang mengikut jadual. Pengedaran *al-Ain* misalnya amat laris pada tahun 1990 walaupun sudah menular dalam kalangan pembacanya tentang terdapatnya unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam di dalamnya. Namun, oleh sebab saingan majalah ini tidak cukup kuat, maka *al-Ain* kekal di kedudukan teratas. Jumlah edaran yang tinggi juga dikecapi oleh majalah-majalah lain terbitan al-Arqam.

Suatu perkara yang jelas kelihatan pada majalah terbitan al-Arqam adalah pada gaya persembahannya saling menyamai antara satu sama lain sehingga mewujudkan identiti majalah al-Arqam. Majalah kanak-kanak dan wanita menggunakan banyak warna air (*water colour*) dengan gambar kanak-kanak dan wanita yang comel dan cantik lagi menawan. Oleh sebab pelukisnya adalah orang yang sama, kebanyakan lukisan ini dapat dikenali pada gaya sentuhan tangan pelukisnya. Gambar-gambar yang digunakan pula kebanyakannya menggambarkan suasana kehidupan di perkampungan al-Arqam dengan pakaian berjubah, berserban, berjilbab dan lelaki berjanggut. Kesemua majalah ini mengutamakan gambar pemimpin pergerakan

ini dan kerap kali mengulang-ulang penggunaan gambar mereka terutamanya gambar Ashaari Muhammad.

Satu lagi ciri pada majalah terbitan al-Arqam ialah ketiadaan iklan sama sekali daripada pihak luar. Iklan yang ada cuma terhad kepada barangan keluaran pergerakan itu sendiri berumpa makanan, buku, majalah dan video. Ini bermakna, penerbitan ini bergantung semata-mata pada jualan dan pengedaran. Hal ini tidak menjadi masalah kerana selain mempunyai jumlah ahli yang ramai, majalah terbitan al-Arqam mempunyai ramai pembaca dan peminat setia dari kalangan orang awam di luar pergerakan itu.

Daripada analisis secara umum terhadap kandungan majalah-majalah terbitan al-Arqam dapatlah dikatakan bahawa kandungannya tidak dihindari mahupun ditakuti oleh pembaca sungguhpun sering dikatakan mengandungi unsur yang menyeleweng pada sisi akidah. Pembaca mahukan bahan bacaan apabila bersantai, terutama pedoman hidup, soal jawab agama dan cerita yang bercirikan *human interest*. Pembaca hanya berhenti membaca dan melanggan apabila majalah-majalah ini diharamkan oleh kerajaan khususnya JAKIM dan KDN.

## KESIMPULAN

Al-Arqam adalah suatu badan dakwah Islamiah yang cergas dalam penerbitan majalah di negara ini terutama sekali pada era dan dekad 70-an dan 80-an. Hal ini jelas daripada kepelbagaian penerbitannya, kekerapannya majalah tebitannya, kemandiriannya yang dapat bertahan lama di pasaran, dan jumlah edaran majalah yang diterbitkan. Terbitannya yang pelbagai dibaca oleh pelbagai lapisan latar belakang pembaca. Daripada yang berbentuk berita propaganda dan dakwah pergerakan itu hinggalah kepada majalah wanita, majalah remaja dan kanak-kanak; majalah separa ilmiah semasa termasuk politik; majalah tokoh; humor dan termasuk juga majalah pelajar, pendidikan dan panduan menghadapi peperiksaan. Sebanyak 18 judul majalah terbitan al-Arqam dibincangkan dalam makalah ini.

Dengan fakta-fakta yang dibentangkan itu, adalah sukar dinafikan signifikannya pengaruh al-Arqam dalam pembacaan masyarakat negara ini, terutamanya pada dekad 80-an. Bahkan itulah hakikatnya, iaitu al-Arqam menjadi pantas dan cepat membesarkan keahliannya menerusi jarum yang disuntik dalam majalah terbitannya. Pembaca memerlukan bahan bacaan. Al-Arqam mencari ahli baru. Pucuk dicita, ulam mendatang.

Faktor di belakang kejayaan majalah-majalah al-Arqam ialah kerana bahagian penerbitan badan dakwah ini ditunjangi oleh mereka yang berpengalaman luas dalam bidang penerbitan. Pengalaman mereka bekerja di pelbagai media arus perdana telah dibawa masuk ke dalam al-Arqam.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan sebesar-besarnya penghargaan kepada beberapa teman dan sahabat yang sudi meminjamkan naskhah pelbagai majalah terbitan al-Arqam dalam koleksi peribadi mereka. Budi mereka adalah besar dalam menyiapkan penulisan makalah ini memandangkan kesemua bahan terbitan al-Arqam tidak

lagi dapat ditatap, dibaca mahupun dipinjam di mana-mana perpustakaan setelah kesemuanya diharamkan sama ada oleh Kementerian Dalam Negeri mahupun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

## RUJUKAN

- Hamed Mohd. Adnan. 2003. *Penerbitan Majalah di Malaysia: Isu-isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Karisma Publications.
- Hamed Mohd. Adnan. 2002. *Direktori majalah-majalah Melayu sebelum merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Roosfa Hashim. 1987. Al-Arqam bukan mahu mengubah kerusi tapi mahu mengubah jiwa – wawancara khas dengan pemimpin al-Arqam. *Era*. Tahun 3, no. 3, hlm. 23-24.
- Roosfa Hashim. 2005. Perkembangan jurnal ilmiah dalam bidang pengajian Islam. Kertas kerja dibentangkan dalam seminar siswazah ISDEV di USM, Pulau Pinang.,
- Syukri Saleh. 1992. *An Islamic approach to rural development – the Arqam way*. London: Asoib.

Majalah-majalah terbitan al-Arqam:

<i>Fardhu Ain</i>	1980?	Darul Arqam
<i>al-Arqam (Jawi)</i>	1982	Penerangan al-Arqam
<i>al-Arqam (Rumi)</i>	1983	Penerangan al-Arqam
<i>al-Ain</i>	1984	Penerangan al-Arqam
<i>al Munir</i>	1983	Yayasan al-Arqam
<i>Al-Mukminah</i>	1983	Penerangan al-Arqam
<i>al-Qalam</i>	1984	Yayasan al-Arqam
<i>an Nasihah</i>	1988	Penerbitan al-Munir
<i>al-Qiadah</i>	1989	Penerbitan al-Munir
<i>an Nur</i>	1990	Penerbitan Ilmiah
<i>Anak Soleh</i>	1990	Penerbitan al-Munir
<i>Amal</i>	?	Penerbitan al-Munir
<i>Tatih</i>	1995	Karya One
<i>OK</i>	1995	Karya One
<i>Dunia Baru</i>	1995	Karya One
<i>Ayu</i>	1996	Karya One
<i>Asuh</i>	1997	Galeri Ilmu
<i>Anis</i>	1997	Galeri Ilmu

